AUTHOR: No author available SECTION: SETEMPAT AUDIENCE : 112,705 PAGE: 14
PRINTED SIZE: 475.00cm² REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 18,182
WORDS: 725 ITEM ID: DP0122403298



02 NOV, 2026

Hasilkan perubahan boleh diukur

Harian Metro, Malaysia

PERUNTUKAN ALAM SEKITAR DALAM BELANJAWAN 2027

Hasilkan perubahan boleh diukur



Bersama
Dr Muhammad Heikal Ismail

Belanjawan 2027 menggariskan beberapa langkah berkaitan pemuliharaan alam sekitar, pengurusan risiko bencana, pembangunan tenaga, insentif teknologi hijau serta perlindungan sumber air dan ekosistem marin. Inisiatif ini mencerminkan hubungan yang semakin penting antara kelestarian alam sekitar, daya tahan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Persoalan utama bukan sekadar berapa banyak peruntukan diumumkan, tetapi sejauh mana pelaksanaannya mampu menghasilkan perubahan.

Dalam menilai peruntukan berkaitan alam sekitar, penting untuk membezakan antara peruntukan kerajaan, pelaburan syarikat dan insentif fiskal. Ketiga-tiganya mempunyai mekanisme pelaksanaan serta implikasi ekonomi yang berbeza. Oleh itu, angka diumumkan tidak wajar dijumlahkan secara langsung seolah-olah semuanya ialah perbelanjaan kerajaan untuk tujuan sama.

Antara perkara yang diberi perhatian ialah peruntukan sebanyak RM270 juta melalui Pemberian Berdasarkan Ekologi (*Ecological Fiscal Transfer*, EFT) selain RM65 juta yang merangkumi penglibatan renjer komuniti serta RM15 juta daripada sektor industri sawit. EFT instrumen penting untuk menggalakkan negeri memelihara kawasan hutan dan biodiversiti melalui sokongan fiskal. Keberkesanan mekanisme ini bergantung pada cara dana diagihkan, keutamaan kawasan dilindungi dan pemantauan hasil pemuliharaan. Penglibatan renjer komuniti pula berpotensi memperkukuh pengawasan kawasan sensitif, mencegah pencerobohan dan meningkatkan penyertaan masyarakat setempat. Sumbangan sektor industri perlu dilihat sebahagian tanggungjawab bersama dalam menjaga ekosistem. Kejayaan pemuliharaan tidak seharusnya diukur berdasarkan jumlah dana disalurkan semata-mata.

Perubahan keluasan habitat yang dilindungi, keadaan biodiversiti dan pengurangan ancaman terhadap ekosistem perlu menjadi sebahagian daripada penilaian prestasi.

> Dalam menilai peruntukan berkaitan alam sekitar, penting untuk membezakan antara peruntukan kerajaan, pelaburan syarikat dan insentif fiskal

Bagi menangani risiko banjir, RM100 juta diperuntukkan untuk kawasan Lembah Klang, termasuk pembinaan kolam takungan dan penyelenggaraan sungai. Hampir RM320 juta pula dikenal pasti bagi kerja berkaitan cerun, parit dan longkang pihak berkuasa tempatan (PBT).

Pembinaan infrastruktur baharu sahaja tidak menjamin pengurangan risiko bencana. Kolam takungan perlu diselenggara secara berkala, sungai memerlukan pemantauan dan sistem saliran mesti berfungsi mengikut kapasiti dirancang.

Dalam sektor tenaga dan iklim, pelaburan RM15 bilion oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi grid nasional, RM1 bilion oleh UEM Lestra untuk projek tenaga serta Dana Iklim KWAP bernilai RM1 bilion menunjukkan skala modal yang berpotensi menyokong agenda peralihan tenaga.

Pengukuhan grid penting untuk meningkatkan kebolehpercayaan bekalan elektrik dan menyokong integrasi tenaga boleh baharu. Pelaburan dalam projek tenaga berpotensi membuka ruang kepada pembangunan ekonomi rendah karbon, bergantung pada teknologi dan reka bentuk projek yang dilaksanakan.

Nilai pelaburan tidak boleh dianggap sebagai ukuran langsung pengurangan pelepasan karbon. Penilaian perlu mengambil kira kapasiti tenaga boleh baharu yang ditambah, intensiti karbon, kecekapan tenaga serta pelepasan yang berjaya dielakkan berbanding senario asas. Dana iklim juga perlu disalurkan kepada projek yang mempunyai kriteria kelayakan, sasaran impak dan mekanisme pelaporan yang jelas. Ketelusan ini penting bagi memastikan pembiayaan hijau menghasilkan manfaat alam sekitar yang boleh dibuktikan.

Belanjawan 2027 turut menekankan elaun cukai pelaburan sehingga 100 peratus, galakan teknologi hijau sehingga 31 Disember 2030 dan rebat NUR MADANI sehingga RM200 bagi peralatan cekap tenaga. Insentif ini boleh membantu mengurangkan kos pelaburan teknologi hijau dan menggalakkan isi rumah memilih peralatan lebih cekap tenaga. Bagi industri, insentif fiskal berpotensi mempercepat penggunaan teknologi yang mengurangkan penggunaan sumber dan kos operasi.

Penilaian perlu melihat sama ada insentif itu benar-benar menghasilkan pelaburan tambahan, mengurangkan penggunaan elektrik dan mengurangkan pelepasan, bukannya sekadar memberi manfaat kepada pihak yang sememangnya merancang pembelian atau pelaburan itu.

Langkah menaik taraf sistem pembetungan di pulau serta inisiatif pembelian pukat lama turut mencerminkan keperluan menjaga kualiti air dan mengurangkan tekanan terhadap ekosistem marin. Walaupun nilai khusus bagi kedua-dua inisiatif ini tidak dinyatakan dalam sorotan itu, kepentingannya tidak boleh dipandang ringan. Sistem pembetungan yang berfungsi dengan baik dapat membantu mengurangkan pencemaran perairan, manakala pengumpulan pukat lama berpotensi mengurangkan sampah marin.

Secara keseluruhannya, Belanjawan 2027 menyediakan beberapa instrumen untuk menyokong agenda kelestarian. Cabaran seterusnya memastikan setiap inisiatif ada petunjuk prestasi yang jelas, data asas dan laporan kemajuan yang boleh dinilai secara berkala. Empat ukuran utama wajar diberi perhatian, iaitu kualiti air, pengurangan pelepasan karbon, keadaan habitat dan perubahan tahap risiko banjir. Ukuran ini perlu disokong oleh penyelenggaraan berkala, pemantauan lapangan dan audit prestasi yang telus.

Akhirnya, prinsip alam lestari, ekonomi berdaya tahan dan rakyat sejahtera hanya akan tercapai apabila komitmen kewangan diterjemahkan kepada hasil yang nyata. Kejayaan dasar alam sekitar perlu dinilai bukan hanya melalui angka diumumkan, tetapi melalui perubahan yang dapat dilihat dan diukur.

Penulis Pensyarah Kanan Bidang Valorisasi Sisa Makanan, Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, UPM

© Nine Entertainment Co. Pty Limited. No redistribution is permitted. This content can only be copied and communicated with a copyright licence.